

02/09/2001

Sekolah pengantar bahasa Inggeris tidak perlu: PM

KUALA LUMPUR: Cadangan mewujudkan semula sekolah penghantar bahasa Inggeris tidak penting sebagai usaha mengembalikan prestasi dan kecemerlangan murid Melayu, terutama pada peringkat sekolah rendah.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, berkata penggunaan bahasa pengantar Melayu di sekolah mencukupi tetapi tumpuan perlu diberikan kepada strategi meningkatkan penguasaan bahasa Inggeris di kalangan pelajar Melayu.

"Ya, dulu ada pendapat kalau kita guna bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar, kita dapat advantage berbanding kaum lain, tapi kaum lain sebenarnya mampu menguasai bahasa Melayu dengan begitu baik.

"Dan, kita berasa malu kerana penguasaan bahasa Melayu anak Melayu begitu kurang," katanya pada sidang akhbar selepas merasmikan Kongres Pendidikan Melayu pertama di sini, semalam.

Justeru, Perdana Menteri berkata kerajaan berpendapat sekolah pengantar bahasa Inggeris tidak begitu penting tetapi yang penting ialah penguasaan bahasa Inggeris.

"Dia (murid-murid) mesti menguasai bahasa Inggeris. Kalau tidak nak pinjam bahasa Inggeris pun tidak boleh, kini tidak dapat tidak kita mesti pinjam perkataan bahasa Inggeris dalam teknologi moden ini.

"Misalnya, kalau nak kata cakera padat, cakera itu bukannya perkataan bahasa Melayu, ia perkataan sanskrit. Kalau kita (pelajar) tak faham compact disk, macam mana kita nak kata ini terjemahan bahasa Malaysia, Inggeris dan kadang-kadang Hokkien. Tapi anak Melayu kita dikehendaki menguasai dua bahasa saja, bahasa Melayu dan Inggeris dan sesetengahnya ada yang nak belajar bahasa Arab.

"Tapi (bahasa Arab) cuma nak kuasai ilmu agama saja, tapi nak kuasai teknologi, sains terpaksa menguasai bahasa Inggeris juga. Jadi, tak rugi kalau pengetahuan kita bertambah," katanya.

Ditanya apa pendekatan drastik kerajaan untuk mengatasi kelemahan pelajar Melayu ini, beliau berkata kerajaan sememangnya mempunyai cadangan drastik tetapi ia tidak akan berjaya selagi pelajar Melayu tidak mengubah sikap.

"Ya, kita ada cadangan yang drastik, tapi seperti peribahasa Inggeris, kalau kita bawa kuda ke tempat minum, ia tidak mahu minum juga," katanya.

Katanya, kerajaan mewujudkan pelbagai kemudahan pembelajaran seperti makmal bahasa serta guru yang berkemahiran dan terlatih tetapi sedihnya ada yang masih tidak mahu mendalami pendidikan.

Perdana Menteri turut melahirkan perasaan sedihnya kerana timbul kekeliruan di antara mempelajari ilmu agama dengan pendidikan biasa di sekolah.

Beliau berkata, ada guru yang mengabaikan tanggungjawab sehingga mereka lebih mengutamakan kepentingan politik dan parti daripada tugas mengajar.

"Ini menimbulkan perasaan marah dan kebencian di kalangan anak-anak sehingga mereka tidak menumpukan perhatian kepada pelajaran. Ada yang berkata, jom kita pergi ke kampung untuk berkempen, jadi tinggal pelajaran di sekolah," katanya.

Terdahulu dalam ucapannya, Dr Mahatir berkata rancangan kerajaan untuk mengatasi kelemahan pendidikan Melayu tidak akan mencapai kejayaan jika tiadanya sokongan semua pihak.

(END)